RINGKASAN EKSEKUTIF

PPMJ 2030

PELAN PEMBANGUNAN
MAMPAN JOHOR 2030

KANDUNGAN

01 Pengenalan PPMJ 2030, Lapan Teras PPMJ2030

04 Visi PPMJ2030, Negeri Berprestasi Tinggi, Bangsa Johor Bistari

06 Kerangka PPMJ2030

07 Ekonomi Johor

09 Teras 1: Pemerkasaan Ekonomi

12 Teras 2: Memperkasa Pelaburan dan Ekonomi Digital

17 Teras 3: Pengangkutan dan Infrastruktur Mega

21 Teras 4: Kelestarian Alam Sekitar

24 Teras 5: Tadbir Urus Cekap, Berintegriti dan Dinamik

27 Teras 6: Kesejahteraan Sosial

31 Teras 7: Memperkasa Sistem Pendidikan Islam, Pembangunan Modal Insan dan Warisan Budaya

35 Teras 8: Pesona Wanita dan Aspirasi Idealis Anak Muda

40 Kesimpulan

PENGENALAN

Pelan Pembangunan Mampan Johor 2030

Pelan Pembangunan Mampan Johor PPMJ merupakan dokumen rujukan induk bagi tujuan perancangan pembangunan negeri meliputi aspek ekonomi dan juga sosial. Ianya disediakan dengan meneliti serta merangkumkan pelbagai dasar-dasar dan pelan pembangunan utama di peringkat nasional mahupun negeri. Perencanaan pelan pembangunan ini mengambilkira situasi pembangunan, kelebihan lokasi Johor yang strategik serta kekuatan sumber ekonomi sedia ada di Johor selain menggalakkan kerjasama di antara kerajaan, swasta dan masyarakat.

Dengan penyediaan dokumen PPMJ 2030, ianya akan menjadi panduan bagi setiap jabatan dan agensi kerajaan, pihak industri, pemimpin tempatan dan pihak-pihak berkenaan dalam merealisasikan strategi pembangunan yang dirangka secara berkesan khususnya di dalam menghadapi situasi yang mencabar ini.

Penyediaan PPMJ 2030 turut mengambil kira aspirasi kerajaan negeri menerusi 7 Ikhtiar Makmur Johor yang memastikan ekonomi negeri berdaya tahan demi kemakmuran rakyat Johor antaranya dengan transfomasi terhadap inisiatif digital, meningkatkan kerjasama serantau bagi mempromosi negeri Johor di peringkat antarabangsa dan agenda jaminan bekalan makanan negeri Johor.

Tiga aspek yang mendasari PPMJ 2030 yang turut diselarikan dengan mengambilkira konsep pembangunan mampan global iaitu Sustainable Development Goals adalah Mampan Ekonomi, Mampan Fizikal dan Mampan Sosial yang seterusnya direncanakan melalui Lapan Teras sepertimana digariskan melalui kerangka PPMJ 2030.

"PPMJ 2030 digubal secara terperinci dan sistematik bagi membentuk modal insan yang memiliki ciri-ciri kematangan adab serta berbudaya tinggi. Lebih khusus, usaha ini bertujuan melahirkan Bangsa Johor yang berpengetahuan, berkemahiran tinggi, kukuh jati diri, berinovasi dan berstrategik"

YAB Datuk Hasni Mohammad
Menteri Besar Johor

TERAS PPMJ2030

01

TERAS 1

Pemerkasaan Ekonomi

02

TERAS 2

Memperkasa Pelaburan dan Eknomi Digital

03

TERAS 3

Penyediaan Jaringan Sistem Pengangkutan dan Infrastruktur Mega

04

TERAS 4

Kelestarian Alam Sekitar

05

TERAS 5

Tadbir urus cekap, berintegriti dan dinamik

06

TERAS 6

Kesejahteraan Sosial

07

TERAS 7

Memperkasa sistem pendidikan Islam, pembangunan modal Insan dan warisan budaya

08

TERAS 8

Pesona wanita dan aspirasi idealis anak muda

Negeri Berprestasi Tinggi, Bangsa Johor Bestari

VISI JOHOR 2030

VISI JOHOR 2030

Menerusi PPMJ 2030 ini, visi yang ingin dijayakan adalah:

a.Memacu negeri Johor ke arah negeri berdaya saing melalui pembangunan mampan dan dinamik

b.Membangunkan Bangsa Johor ke arah pemikiran kelas pertama secara holistik dengan penekanan kepada modal insan yang progresif, berinovasi dan bestari.

Menerusi visi tersebut, kerajaan negeri mempunyai aspirasi dan matlamat dalam menjadikan negeri Johor sebagai:

NEGERI BERPRESTASI TINGGI

Dalam konteks pembangunan Johor, pendekatan bagi mencapai status negeri berprestasi tinggi (NBT) perlu diterap pada semua elemen pembangunan, dan antara ciri-cirinya ialah tadbir urus cekap dan berintegriti; masyarakat berilmu, berakhlak dan penyayang; institusi keluarga yang utuh; hubungan etnik yang harmoni; ekonomi mampan; agihan kekayaan yang saksama; pertumbuhan ekonomi lestari; serta kebajikan, kesihatan dan keselamatan rakyat.

Jelas bahawa NBT mempunyai ciri-ciri asas merangkumi pemerkasaan ekonomi yang tidak mengabaikan kelestarian alam sekitar, kesejahteraan sosial dan amalan tadbir urus terbaik yang dilengkapi pembangunan modal insan progresif, berinovasi dan bestari

BANGSA JOHOR BESTARI

Mengikut Undang-undang Tubuh Negeri Johor 1895, Bangsa Johor Bestari ditakrifkan sebagai:

Beragama dimana Islam adalah agama negeri selamanya disamping membenarkan agama lain dianuti.

Berpendidikan bagi melahirkan modal insan seimbang dan bersepadu

Muafakat menunjukkan kesepaduan inklusif warga negeri yang berbilang bangsa

Berakhlak dan bermoral yang bertujuan mengukuhkan pembangunan nilai-nilai kemanusiaan

Sukarelawan yang berkerjasama erat bagi mengukuhkan semangta kemasyarakatan

Kesetiaan dimana kesepaduan Bangsa Johor adalah berteraskan kesetiaan kepada negeri

Jati diri yang kukuh walaupun negeri terus maju dan moden

Dinamik untuk melibatkan diri secara langsung dalam proses pemodenan dan pembangunan negeri

Sejahtera dan bahagia merujuk kepada keupayaan rakyat untuk menikmati kehidupan sejahtera dengan kemampuan menguasai ekonomi.

KERANGKA PPMJ2030

Matlamat PPMJ2030

Negeri Maju Berpendapatan Tinggi
Disokong Pertumbuhan Saksama,
Berarusperdanakan Kelestarian dan
Berpaksikan Kesejahteraan Rakyat

EKONOMI JOHOR

SENARIO EKONOMI

Ekonomi Negeri Johor dianggarkan mencatat jumlah nilai ditambah bernilai RM130,063 juta pada tahun 2020 dalam harga malar 2015 (2019:RM134,017 juta). Dalam harga semasa ianya dianggarkan bernilai RM138,367 juta (2019: 142,431 juta). Ini menghasilkan KDNK per kapita bernilai RM34,006 (2019: RM35,390). Dalam harga semasa, KDNK per kapita dianggarkan bernilai RM36,177 (2019:RM37,611).

EKONOMI JOHOR 2020				KDNK: RM 130,489 JUTA	
Pertumbuhan Ekonomi -3.0%	1.0%	-4.1%	-16.6%	-6.0%	-1.7%
	Pertanian	Pembuatan	Pembinaan	Perlombongan & Pengkuarian	Perkhidmatan
LELAKI 52.7%		Jumlah Penduduk 3.93 Juta		WANITA 47.3%	
Kadar Kesuburan 2.1		Jangkaan Hayat		Penduduk Bekerja 1.80 Juta	Kadar Pengangguran 3.2%
		Lelaki	Perempuan	Kadar Penggunaan Tenaga Buruh	
		71.9	71.9	66.9%	

Ekonomi Negeri Johor Sepintas Lalu (2020)

Sumber:Laporan Ekonomi Negeri Johor 2019/2020

Pada tahun 2020 sumbangan terbesar kepada KDNK Negeri Johor direkodkan oleh sektor Perkhidmatan, dengan sumbangan sebanyak 52.3% (2019: 51.7%). Angka-angka yang berkaitan bagi Sektor Perindustrian dan Sektor Utama ialah, masing-masing, 34.2% dan 13.4% (2019: 35.3%, 12.9%). Permintaan luaran yang lemah dan langkah ketat bagi pembendungan kesan Covid-19 mengakibatkan kejutan kepada penawaran dan permintaan dalam ekonomi negeri. Kejutan penawaran dicerminkan oleh pertumbuhan negatif di sektor-sektor pengeluaran ekonomi Negeri Johor, kecuali di sektor-sektor Pertanian dan Perkhidmatan Kerajaan yang masing-masing dianggarkan tumbuh dengan kadar 1.0% dan 3.8%.



Pertumbuhan Ekonomi Negeri Johor, 2011-2020

PEMBANGUNAN MAMPAN

Pembangunan mampan atau lestari adalah pendekatan pembangunan yang dijalankan secara terancang dan berterusan menggunakan prinsip 'memenuhi keperluan masa kini tanpa mengorbankan keperluan generasi masa akan datang'.

Pembangunan mampan merangkumi tiga skop iaitu pembangunan ekonomi, sosial dan perlindungan alam sekitar. Konsep kemampanan dalam PPMJ 2030 dirangka dengan mengambil kira konsep pembangunan mampan global (Sustainable Development Goals), selain mengambil kira pelbagai faktor ekosistem lokal di Johor yang mencakupi tiga aspek kemampanan:

MAMPAN EKONOMI

Mampan ekonomi bermaksud pembangunan ekonomi yang dinamik, berterusan, lestari, komprehensif dan merangkumi setiap wilayah dan daerah, bandar serta desa. Mampan ekonomi meliputi pemerkasaan ekonomi, pelaburan dan ekonomi digital.

MAMPAN FIZIKAL

Mampan fizikal bermaksud pembangunan menggunakan sumber diperbaharui dalam menjamin perlindungan terhadap ekosistem sedia ada tanpa merosakkan alam sekitar. Mampan fizikal meliputi pembangunan infrastruktur dan pengangkutan serta kelestarian alam sekitar.

MAMPAN SOSIAL

Mampan sosial bermaksud pembangunan sosial komprehensif, inklusif dan berdaya laksana menerusi pelbagai strata masyarakat, khusus bagi menjamin kesejahteraan hidup rakyat. Mampan sosial meliputi skop kesejahteraan sosial, wanita dan anak muda, pendidikan, modal insan, warisan budaya serta tadbir urus.

TERAS 01 PEMERKASAAN EKONOMI

Dasar 1 menekankan aspek pembangunan berasaskan wilayah. Strategi utama adalah pengwujudan pertumbuhan seimbang dan menyeluruh di seluruh negeri; memfokuskan ekonomi mengikut kekuatan wilayah; dan memperkasa peranan pentadbiran daerah. Antara langkah-langkah utama yang akan diambil ialah memperkasa ekonomi di kawasan luar wilayah Iskandar Malaysia dengan pelaksanaan projek-projek pemangkin ekonomi wilayah seperti Taman Perabot Muar, Hab Pendidikan Pagoh, Hab Pertanian dan Industri Asas Tani Segamat serta Hab Ekonomi Kreatif Kluang. Ekonomi Wilayah Iskandar Malaysia juga akan diperkukuhkan dengan pelaksanaan projek Kulai Iskandar Data Exchange. Johor dibahagikan kepada lima wilayah: Wilayah Selatan, Timur, Tengah, Barat dan Utara; ekonomi setiap wilayah akan dibangunkan mengikut keunikan dan kekuatan masing-masing. Di samping itu, konsep bandar pintar di bandar-bandar utama Johor juga diperkenalkan. Bandar Johor Bahru dan Iskandar Puteri disasarkan untuk menjadi bandar pintar menjelang tahun 2023 sementara Bandar Pengerang disasar untuk menjadi bandar pintar pada tahun 2025.

TERAS 1 MENGGARISKAN 3 DASAR DAN 11 STRATEGI UTAMA YANG BERKAITAN PEMBANGUNAN EKONOMI YANG DINAMIK, TERANGKUM DAN SEIMBANG.



DASAR DAN STRATEGI

1

PEMBANGUNAN BERASASKAN WILAYAH

S1 Mewujudkan pertumbuhan seimbang dan menyeluruh

S2 Memfokus ekonomi mengikut kekuatan wilayah

S3 Memperkasa peranan pentadbiran daerah

2

PEMBANGUNAN KOMPREHENSIF LUAR BANDAR

S4 Menyediakan prasarana lengkap

S5 Mewujudkan ekonomi desa berdaya saing

S6 Membangunkan sistem pengkalan data

S7 Mengurangkan kadar migrasi ke bandar

3

MEMPERKASA SEKTOR-SEKTOR EKONOMI

S8 Memperkasa industri minyak dan gas

S9 Memperkasa sektor pertanian

S10 Memperkasa industri pelancongan

S11 Memperkasa sumber ekonomi baharu

TERAS 01 PEMERKASAAN EKONOMI

Dasar 2 menekankan pembangunan komprehensif di luar bandar. Strategi utama adalah penyediaan prasarana yang lengkap; mewujudkan ekonomi desa berdaya saing; membangunkan sistem pengkalan data luar bandar dan mengurangkan kadar migrasi penduduk dari luar bandar ke bandar. Pelaksanaan dasar ini dibuat dengan mengambil langkah-langkah seperti melengkap dan memperluaskan jalan, bekalan air dan elektrik; memperluaskan perkhidmatan pengurusan sisa dan mempertingkatkan akses komunikasi jalur lebar ke luar bandar termasuk kawasan-kawasan Felda.

Dasar 3 memberi tumpuan kepada pemerkasaan sektor-sektor ekonomi. Pembangunan ekonomi negeri akan dipacu oleh sektor ekonomi tradisional yang diberi nafas baru dan juga sumber-sumber ekonomi baharu. Strategi utama yang digariskan adalah pemerkasaan industri minyak dan gas; sektor pertanian, industri pelancongan dan juga sumber ekonomi baharu khususnya industri aeroangkasa dan pertanian moden. Langkah-langkah utama yang diambil termasuk penggunaan teknologi moden seperti teknologi robotik, urban farming dan vertical farming serta mewujudkan hab pedaging di

MENERUSI PELAKSANAAN STRATEGI DAN PROGRAM DI BAWAH TIGA DASAR PEMERKASAAN EKONOMI, EKONOMI NEGERI AKAN MAMPAN DENGAN PEMBANGUNAN DINAMIK, BERTERUSAN, LESTARI DAN KOMPREHENSIF MERANGKUMI SETIAP WILAYAH DAN DAERAH, SELAIN SEIMBANG ANTARA BANDAR DAN LUAR BANDAR

Muar dan Segamat; hab kerang-kerangan di Pantai Barat Johor (Muar dan Batu Pahat), Lembah Tenusu Jemaluang serta Periuk Nasi Selatan di Tangkak untuk memperkasa sektor pertanian.Produk niche pelancongan negeri bernilai tinggi dan bertaraf antarabangsa diperkukuhkan untuk memperkasa sektor pelancongan. Di samping itu, Flagship E-Iskandar Malaysia (Senai-Skudai dan Kulai) akan dibangunkan sebagai hab maintenance, repair & overhaul (MRO) untuk memperkasa industri aeroangkasa di negeri Johor.

TERAS 02

MEMPERKASA PELABURAN & EKONOMI DIGITAL

Dalam usaha memperkasakan pelaburan, kerajaan negeri komited dengan membangunkan program yang bakal menjadikan negeri Johor sebagai pusat pelaburan bernilai dan berimpak tinggi. Antara inisiatif yang bakal dijalankan ialah menjadikan negeri Johor sebagai negeri mesra pelabur dan pelaburan, penggalakkan perpindahan teknologi dan kemahiran tinggi, serta meningkatkan pelaburan berimpak tinggi dari dalam dan luar negara.

TERAS 2 MENGGARISKAN 3 DASAR DAN 19 STRATEGI UTAMA BAGI MENYOKONG PENCAPAIAN PENINGKATAN NILAI PELABURAN NEGERI JOHOR, MEMPERKASA EKONOMI DIGITAL DAN MEMPERKUKUH KEUPAYAAN INDUSTRI KECIL SEDERHANA

Fokus utama ialah untuk menjadikan Johor Hab Utama bagi industri Petroleum/ Petrokimia dengan membuka fasa-fasa baharu di Kompleks Petroleum Bersepadu Pengerang (PIPC) bagi meningkatkan pengeluaran produk berasaskan petroleum serta mengkoordinasi, mempermudah dan merancang aktiviti penghasilan produk hiliran petroleum dan gas di PIPC.

Negeri Johor juga akan dipromosi sebagai pusat pelaburan bernilai tinggi 3H (High Tech, High Value, Halal) utama di rantau ini dengan mengaktifkan kerjasama segitiga SIJORI (Singapura, Johor, Riau).

Sasaran untuk inisiatif ini ialah menjadikan Johor negeri nombor satu sebagai destinasi pelabur di Malaysia, dan berupaya meningkatkan jumlah pelabur baharu sebanyak 200 syarikat menjelang 2030.

Bagi merancakkan lagi ekonomi digital, kerajaan negeri berusaha untuk membangunkan infrastruktur yang sesuai berkaitan ekonomi kreatif dan digital bagi mencapai sasaran peningkatan pendapatan e-dagang kepada RM52.8 juta menjelang tahun 2030.

DASAR DAN STRATEGI

1

PELABURAN BERIMPAK TINGGI

S1 Menjadikan Johor hab utama industri petroleum/petrokimia

S2 Menjadikan Johor pusat pelaburan bernilai tinggi dalam sektor 3H (High Technology, High Value, Halal)

S3 Memperkukuh hab industri kayu dan produk berasas kayu

S4 Memantapkan hab data dan sistem penyimpanan data dalam talian (cloud storage)

S5 Meningkatkan bilangan taman industri bagi teknologi tinggi

2

MEMPERKASA EKONOMI DIGITAL DAN EKONOMI KREATIF

S6 Mewujudkan pelan ekosistem bagi hab data

S7 Menyeragam platform perkhidmatan dan penyampaian kepada rakyat

S8 Mewujudkan pencipta kandungan digital dan harta intelek

S9 Menjadikan Johor pusat penerbitan filem lokal dan global

S10 Menjadikan pendidikan berasaskan IR4.0 sebagai keutamaan IPT dan institusi latihan

S11 Memudahkan cara pembangunan ekosistem blockchain

S12 Mewujudkan lembah inovasi berdasarkan konsep Quintuple Helix

S13 Membangunkan Pusat Harta Intelek Johor

S14 Meningkatkan kesedaran dan pengetahuan tentang IR4.0

3

MEMPERKASA USAHAWAN KECIL DAN SEDERHANA

S15 Memperkasa koperasi dalam sektor bernilai tinggi

S16 Memperkukuh keupayaan modal dalam pembangunan perniagaan keusahawanan koperasi

S17 Mempertingkat program latihan aspek keusahawanan berimpak tinggi

S18 Menjadikan koperasi sebagai entiti untuk meningkatkan kesejahteraan ekonomi rakyat

S19 Mempertingkatkan keupayaan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS), start up dan pekerja bebas (freelancer) memperoleh akses kepada kos start up rendah, manfaat rangkaian perniagaan (networking) dan imej lebih profesional

TERAS

02 MEMPERKASA PELABURAN & EKONOMI DIGITAL

Kulai Iskandar Data Exchange sebagai hab bagi ekonomi baharu (emerging economy) akan dimantapkan lagi dengan memudahcara penyertaan syarikat besar seterusnya bakal menjadi hab data dan Cloud Storage di Johor.

Bagi mewujudkan pecipta kandungan digital dan harta intelek, Johor akan dibangunkan sebagai hab penerbitan kandungan inovasi kreatif (creative innovation content production hub) dengan membangunkan Johor Animation School (JOHANS) yang memberi fokus kepada pembelajaran secara praktikal dan bersifat melatih perantis dalam pembangunan dan penghasilan kandungan digital.

Satu lagi inisiatif ialah penubuhan Johor Film Commission (JFC) bagI merancang, memudah cara, mempromosi dan menyalurkan insentif kepada pemain industri. Objektif utamanya ialah untuk menjadi pemangkin kepada tiga aspek industri perfileman dan memfokus kepada tiga tunjang utama iaitu content (kandungan), bisnes (aspek perniagaan) dan talent development (pembangunan bakat). Objektif kedua untuk mempromosi Johor sebagai bandaraya perfileman untuk meningkatkan aktiviti pelancongan.

KULAI ISKANDAR DATA EXCHANGE

JOHOR ANIMATION SCHOOL (JOHANS)

JOHOR FILM COMMISSION (JFC)

BLOCKCHAIN VILLAGE @ MEDINI

JOHOR INTELLECTUAL PROPERTY (JIP)

Blockchain Village @ Medini akan memudahcara pembangunan ekosistem blockchain bagi menyokong syarikat blockchain mempertingkat teknologi, penerimaan pasaran, dan latihan bakat untuk industri blockhain.

TERAS 02

MEMPERKASA PELABURAN & EKONOMI DIGITAL

Manakala Johor Intellectual Property (JIP) akan dibangunkan sebagai pusat harta intelek bagi mempromosi, memudah cara, membiayai pendaftaran, menilai harta intelek, memberi khidmat nasihat, membangunkan pangkalan data, dan menjana wang bagI menghasilkan harta intelek sebagai aset.

Bagi memperkasa usahawan PKS, agenda utama ialah untuk memperkukuh keupayaan modal dalam pembangunan perniagaan keusahawanan serta koperasi. Ini dapat dilaksanakan dengan mewujudkan persekitaran yang menyokong pertumbuhan pembiayaan perniagaan alternatif dengan membangunkan platform crowdfunding bagi startup dan bagi jurang pembiayaan (gap financing) perniagaan melalui PUJB.

Selain daripada itu, program latihan aspek keusahawanan berimpak tinggi juga akan ditingkatkan dengan menjalin kerjasama dengan pihak industri yang membabitkan usaha mewujudkan pusat latihan relevan dengan keperluan industri yang dibiayai dan didukung oleh pihak industri.

Bagi mempertingkat keupayaan perusahaan kecil dan sederhana (PKS), startup dan pekerja bebas (freelancer) seperti memperoleh akses kepada kos startup rendah, manfaat rangkaian perniagaan (networking), imej yang lebih professional, akses kepada ruang kerja efektif terutama yang beroperasi dalam gig economy akan diwujudkan dengan membangunkan co-working space mampu biaya di setiap wilayah di Johor (J-WORQ).

TERAS 02

MEMPERKASA PELABURAN & EKONOMI DIGITAL

RUANG KERJA DIGITAL

PENUBUHAN PERNIAGAAN BAHARU

Kerjasama dengan syarikat media sosial dan teknologi bagi menyediakan platform ruang kerja digital (data analytics, networking and resource sharing) juga akan diberi fokus dan keutamaan. Ini dapat memenuhi sasaran penjanaan peluang pekerjaan sebanyak 20,000 menjelang 2030 bagi menangani fenomena migrasi tenaga kerja anak Johor.

Selain daripada itu, peningkatan penubuhan perniagaan baharu sebanyak 104,000 syarikat disasarkan menjelang tahun 2030 bagi memperkasakan bidang keusahawanan di negeri Johor. Inisiatif ini bakal menurunkan lagi kadar migrasi tenaga kerja anak Johor ke luar negeri dan negara.

Johor secara dasarnya mempunyai pelbagai keistimewaan. Lokasinya yang strategik dan kaya pelbagai sumber asli berkeupayaan menjadikannya sebuah negeri unik. maju dan mampu bersaing dengan negeri-negeri lain. Teras ini memperlihatkan bagaimana tindakan memantapkan ekonomi dapat meningkatkan pendapatan isi rumah, dan bagaimana peluang pekerjaan serta kemudahan kehidupan moden dan tersusun mampu menjadikan Johor negeri maju berprestasi tinggi, setanding pencapaian negara-negara maju.

TERAS 03 PENGANGKUTAN & INFRASTRUKTUR MEGA

Di dalam Teras 3, pengangkutan dan infrastruktur mega merupakan salah satu agenda yang perlu di beri penekanan dalam memastikan kemampanan pembangunan di Johor. Isu-isu seperti peningkatan kekerapan aktiviti pemanduan, jarak perjalanan lebih jauh bagi individu dan barangan, rebakan bandar (urban sprawl) lebih ketara, penggunaan tanah dan tenaga lebih tinggi, dan peningkatan kadar pencemaran adalah beberapa contoh yang perlu diberi perhatian yang serius agar ianya tidak akan membebankan Negeri Johor pada masa hadapan.

TERAS 3 MENGGARISKAN 3 DASAR DAN 9 STRATEGI UTAMA BAGI MENYOKONG PENCAPAIAN PENINGKATAN AKSESIBILITI PENDUDUK DAN BARANGAN, MENINGKATKAN KUALITI HIDUP PENDUDUK, MENYOKONG PERTUMBUHAN EKONOMI DAN MENJAMIN KELESTARIAN ALAM SEKITAR

Objektif teras ini ialah untuk menyediakan sistem pengangkutan yang moden serta mesra pengguna dan disokong oleh infrastruktur yang cekap bagi meningkatkan kualiti hidup penduduk dan daya saing ekonomi negeri Johor. Objektif teras ini akan dicapai melalui perlaksanaan tiga (3) dasar utama iaitu:

Dasar PI 1 – Mobiliti Mampan Ke Arah Bandar Rendah Karbon

Dasar PI 2 – Pengangkutan Barangan sebagai Pemangkin Pertumbuhan Ekonomi

Dasar PI 3 – Infrastruktur Mega untuk Kesejahteraan

Melalui 3 dasar teras ini, sejumlah sembilan (9) langkah tindakan akan dilaksanakan bagi merealisasikan visi pelan pembangunan mampan Johor pada 2030.

DASAR DAN STRATEGI

1

MOBILITI MAMPAN KE ARAH BANDAR RENDAH KARBON

S1 Mengurangkan kelengahan perjalanan

S2 Menggalakkan mobiliti hijau dan aktif

S3 Memperkasa pengangkutan awam

S4 Memacu mobiliti pintar

2

PENGANGKUTAN BARANGAN SEBAGAI PEMANGKIN PERTUMBUHAN EKONOMI

S5 Meningkatkan keupayaan dan kecekapan infrastruktur pengangkutan barangan

S6 Melaksanakan sistem pengangkutan barangan bandar yang efisien dan hijau

3

INFRASTRUKTUR MEGA UNTUK KESEJAHTERAAN RAKYAT

S7 Menjamin bekalan air bersih

S8 Menjamin bekalan elektrik

S9 Membangunkan infrastruktur ICT bertaraf dunia

TERAS 03 PENGANGKUTAN & INFRASTRUKTUR MEGA

Dari sembilan langkah tindakan ini, sebanyak 86 program telah digariskan secara terperinci bagi menyediakan sistem pengangkutan dan infrastruktur yang berperanan sebagai pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi, kelestarian alam sekitar dan kesejahteraan penduduk.

Bagi dasar pertama, sebanyak 4 langkah telah dikenalpasti iaitu:

i. mengurangkan kelengahan perjalanan
ii. menggalakan mobiliti hijau dan aktif
iii. memperkasa pengangkutan awam
iv. memacu mobiliti pintar.

LOW CARBON CITY
BANDAR RENDAH KARBON

Langkah-langkah ini merupakan usaha mewujudkan bandar lestari alam sekitar melalui pengurangan pencemaran karbon. Dalam konteks pengangkutan persendirian pula, sebarang aktiviti mobiliti tidak efisien akan menghasilkan kesan negatif berlebihan kepada alam sekitar, dan kesan-kesan negatif ini boleh dibantutkan melalui pelaksanaan konsep bandar rendah karbon (low carbon city), iaitu bandar yang peka terhadap perkaitan di antara pembangunan guna tanah dengan strategi mobiliti masyarakat, serta sumbangannya, iaitu pembangunan guna tanah dan strategi mobiliti kepada jumlah karbon dihasilkan

TERAS 03

PENGANGKUTAN & INFRASTRUKTUR MEGA

Dasar kedua pula bertumpu kepada usaha meningkatkan keupayaan, kecekapan dan produktiviti sektor pengangkutan barangan, dan mewujudkan ekosistem pengangkutan barangan bandar (urban freight transportation) yang mampan bagi menangani impak negatif sektor ini kepada masyarakat dan alam sekitar.

Sebanyak dua langkah akan di laksanakan dalam memastikan kelangsungan pengangkutan barangan yang merupakan salah satu faktor pemangkin dalam pembangunan ekonomi di Johor. Langkah-langkah ini adalah bagi meningkatkan keupayaan dan kecekapan infrastruktur pengangkutan barangan dan melaksanakan sistem pengangkutan barangan bandar yang efisien dan hijau.

Di dalam dasar yang ketiga pula, tumpuan lebih kepada menjamin bekalan air bersih, menjamin bekalan elektrik dan membangunkan infrastruktur ICT bertaraf dunia. Perancangan dan pelaksanaan bandar pintar memerlukan keupayaan infrastruktur ICT bertaraf dunia yang disokong jaringan komunikasi data berkapasiti dan berkelajuan tinggi. Ini penting bagi memberi perkhidmatan digital terbaik kepada kerajaan, industri dan juga kepada rakyat secara amnya. Justeru untuk mencapai matlamat tersebut, pihak berkepentingan seperti syarikat telekomunikasi dan penyedia perkhidmatan jalur lebar perlu menyediakan prasarana bertaraf dunia yang selari perkembangan teknologi maklumat masa depan.

Pencapaian kesemua dasar, langkah tindakan dan program di atas akhirnya akan menyediakan keupayaan mobiliti dan kemudahan aksesibiliti yang mesra, adil dan pintar kepada semua golongan penduduk, peniaga dan industri tanpa mengira tahap keupayaan fizikal, umur dan jantina.

TERAS 04

KELESTARIAN ALAM SEKITAR

Matlamat utama teras ini adalah untuk menyediakan hala tuju kepada usaha memulihara dan melindungi sumber alam di negeri Johor, mengawal pencemaran, mengurangkan sisa buangan dan meningkatkan penggunaan teknologi hijau dan rendah karbon, selari dengan pembangunan Johor yang kian pesat. Pembangunan ekonomi di Johor perlu selari dengan agenda global Matlamat Pembangunan Lestari (Sustainable Development Goals, SDG). Urus tadbir yang baik dan penguatkuasaan yang tegas mampu menggerakkan semua program alam sekitar yang dirangka dengan lebih baik seterusnya mencapai sasaran yang ditetapkan.

TERAS 4 MENGANDUNGI 4 DASAR DAN 13 STRATEGI UTAMA IAITU MELESTARIKAN SUMBER ALAM, MENGAWAL PENCEMARAN ALAM SEKITAR, MENINGKATKAN KECEKAPAN PENGURUSAN SISA DAN MENGGALAKKAN INISIATIF RENDAH KARBON

Dasar 1 memberi tumpuan kepada usaha melindungi warisan semula jadi, memulihara sumber asli seperti hutan, hidupan liar dan sumber air, serta mengurangkan risiko terhadap bencana. Dasar 2 menawarkan strategi-strategi bagi mengawal pencemaran air dan udara daripada pelbagai punca melalui pemerkasaan penguatkuasaan dan pemantauan melalui penerapan teknologi seperti pemantauan awam (public eye) melalui aplikasi dalam talian. Melalui Dasar 3, pengurusan dan pelupusan sisa yang bersepadu dan mesra alam ditambahbaik. Ini termasuk menggalakkan teknologi penukaran sisa kepada kepada industri hiliran dan tenaga.

TERAS

04 KELESTARIAN ALAM SEKITAR

Dasar 4 pula memberi tumpuan kepada usaha mengadaptasi konsep kelestarian dalam setiap aktiviti pembangunan dan gaya hidup masyarakat. Antaranya, menyediakan model perbandaran pintar, mengeksploitasi tenaga boleh diperbaharui, dan mendidik masyarakat dengan minda serta gaya hidup yang lestari.

Kesimpulannya, bagi mencapai sasaran yang dirangka, kesedaran dan komitmen masyarakat adalah penting bagi menyokong sepenuhnya usaha negeri dalam memulihara alam sekitar.

DASAR DAN STRATEGI

1

MELESTARIKAN ALAM SEKITAR

S1 Menambahbaik pengurusan hutan secara lestari

S2 Mengukuhkan pengurusan kawasan perlindungan

S3 Melindungi dan menguruskan hidupan liar dan akuatik

S4 Melindungi dan mengurus sumber air

S5 Membangunkan daya tahan perubahan iklim dan pengurangan risiko bencana

2

MENGAWAL PENCEMARAN ALAM SEKITAR

S6 Memperkasa sistem tadbir urus dan penguatkuasaan

S7 Menambahbaik sistem pemantauan pencemaran

S8 Memantapkan teknologi pengawalan pencemaran

3

MENINGKATKAN KECEKAPAN PENGURUSAN SISA

S9 Menggalakkan pengurangan sisa buangan

S10 Mengalakkan penukaran sisa kepada industri hiliran

4

MENGGALAKKAN INISIATIF RENDAH KARBON

S11 Menggalakkan Perbandaran Pintar (Smart City) dan Bangunan Hijau (Green Building)

S12 Menggalakkan penggunaan tenaga lestari

S13 Memupuk ekonomi dan gaya hidup rendah karbon

TADBIR URUS CEKAP, BERINTEGRITI & DINAMIK

TERAS 05

Tadbir urus cekap atau good governance adalah pemboleh daya utama yang dapat memastikan semua perancangan kerajaan dicapai dengan berkesan demi faedah dan kepentingan rakyat. Sehubungan itu matlamat dan fokus teras ini ialah memastikan pengukuhan aspek berkaitan teknologi maklumat, sumber manusia, nilai serta etika penjawat awam, kualiti perkhidmatan dan pembuatan keputusan.

TERAS 5 MENGANDUNGI 4 DASAR DAN 5 STRATEGI UTAMA BAGI MENCAPAI SASARAN MENDIGITALKAN URUSAN KERAJAAN, MENINGKATKAN KOMPETENSI PENJAWAT AWAM, PERKHIDMATAN BERPRESTASI TINGGI DAN BERINTEGRITI SERTA PENGLIBATAN AKTIF KOMUNITI DALAM PEMBANGUNAN NEGERI

Selari perkembangan Revolusi Industri 4.0, Dasar pertama dalam teras ini memberi fokus kepada memaksimumkan penggunaan aplikasi digital dalam urusan kerajaan. Bagi merealisasikannya, empat pendekatan yang diguna sebagai asas strategi iaitu:

- Information-Centric (mengubah fokus kerajaan negeri daripada menguruskan dokumen kepada menguruskan maklumat supaya boleh dikongsi semua pihak berkenaan)
- Shared Platform (seluruh agensi kerajaan negeri bekerja secara bersama untuk mengurangkan kos, selain pada masa sama menggunakan piawaian konsisten dalam mewujud dan menyampaikan maklumat).
- Customer-Centric (pengguna perkhidmatan kerajaan negeri mempengaruhi penyampaian perkhidmatan, sama ada melalui laman web mahupun aplikasi mudah, sekali gus membolehkan pengguna membentuk, berkongsi dan mengambil maklumat pada bila-bila masa dan di mana jua).
- Security and Privacy yang bertujuan memastikan keselamatan perkhidmatan digital termasuk melindungi maklumat dan privasi pengguna.

TERAS 05

TADBIR URUS CEKAP, BERINTEGRITI & DINAMIK

Dasar 2 memberi fokus kepada meningkatkan tahap keupayaan dan kemahiran penjawat awam. Tumpuan adalah kepada usaha mendaya upaya bakat (talent transformation) yang bertujuan melahirkan penjawat awam yang mempunyai pelbagai pengetahuan, kemahiran, kebolehan dan sifat peribadi yang diperlukan selaras fungsi penjawat awam sebagai pendokong pembangunkan negeri.

Strategi yang dirangka di antaranya seperti pembangunan Blueprint Sumber Manusia, penstrukturan semula jabatan/ agensi bagi mengelakkan pertindihan fungsi (redundancy), melaksanakan audit perjawatan secara berkala bagi mengoptimum sumber dan mengawal pewujudan jawatan baharu tidak kritikal, perancangan latihan berdasarkan analisis keperluan latihan (TNA), serta pembangunan standard kecekapan (competency standard) bagi semua skim perkhidmatan dibawah Perkhidmatan Awam Johor (JCS).

Dasar 3 memberi fokus kepada penyampaian perkhidmatan yang berprestasi tinggi dan pengukuhan integriti penjawat awam. Fokus utama adalah menyediakan perkhidmatan berprestasi tinggi termasuk menambah baik tadbir urus jabatan dan agensi ke arah meningkatkan kecekapan perkhidmatan, kecekapan penjawat awam, pemantapan integriti dan akauntabiliti penjawat awam.

Suara rakyat diperkukuhkan melalui dasar 4 yang dirangka iaitu memastikan penglibatan aktif masyarakat dalam pembangunan negeri. Fokus dasar adalah menggalakkan penglibatan aktif masyarakat dalam pembangunan negeri antaranya melalui kerjasama pelbagai pihak dalam masyarakat selain mewujudkan organisasi komuniti MPKK bersifat inklusif yang membabitkan penglibatan aktif belia serta wanita.

PENDIGITALAN URUSAN KERAJAAN
KOMPTENSI PENJAWAT AWAM
PERKHIDMATAN BERPRESTASI TINGGI
PENGUKUHAN INTEGRITI
PENGLIBATAN INKLUSIF MASYARAKAT

DASAR DAN STRATEGI

1

MEMAKSIMUMKAN PENGGUNAAN APLIKASI DIGITAL DALAM URUSAN KERAJAAN

S1 Pemantapan perkhidmatan digital negeri Johor

2

MENINGKATKAN TAHAP KEUPAYAAN DAN KEMAHIRAN PENJAWAT AWAM

S2 Mendaya upaya bakat (talent transformation)

3

PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN BERPRESTASI TINGGI DAN PENGUKUHAN INTEGRITI

S3 Merekayasa perkhidmatan ke arah tadbir urus lebih baik

S4 Pengukuhan integriti dan akauntabiliti

4

PENGLIBATAN AKTIF MASYARAKAT DALAM PEMBANGUNAN NEGERI

S5 Memperkasa suara rakyat dalam pembangunan negeri

TERAS 06 KESEJAHTERAAN SOSIAL

TERAS 6 MENGANDUNGI 5 DASAR DAN 28 STRATEGI YANG BERFOKUS KEPADA KESEJAHTERAAN SOSIAL UNTUK SEMUA LAPISAN RAKYAT KHUSUSNYA DALAM ASPEK KELESTARIAN PEMBANGUNAN SOSIOEKONOMI DAN PSIKOSOSIAL

Dasar 1 menawarkan strategi-strategi ekonomi dalam konteks pembasmian kemiskinan khususnya meningkatkan kesejahteraan hidup khususnya dalam kalangan golongan B40 dan rentan.

Dasar 2 pula menawarkan pelbagai pendekatan dan program yang memfokuskan kepada usaha meningkatkan kemahiran keibubapaan, pengetahuan pengurusan kewangan, perpaduan dan keharmonian masyarakat serta gaya hidup sihat yang menjadi cabaran berterusan kepada unit keluarga dan masyarakat.

Dasar 3 turut memberi tumpuan terhadap kesejahteraan dalam konteks sosial dan perpaduan serta keharmonian hidup rakyat. Justeru, strategi yang ditawarkan adalah berkaitan pelbagai program bersama rakyat, sinergi bersama pelbagai NGO dan korporat serta pewujudan masyarakat yang berkepimpinan dan berminda kesukarelawan.

Dasar 4 lebih bersifat spesifik iaitu dengan strategi menyediakan Rumah Mampu Biaya (RMB) dan beberapa strategi dalam bentuk insentif kepada individu dalam skim sewa beli serta kepada pemaju dalam penambahbaikan projek pembangunan perumahan tidak siap.

TERAS 06

KESEJAHTERAAN SOSIAL

Dasar 5 memberi tumpuan untuk peningkatkan pegangan ekuiti dan hartanah, memperkukuh ekosistem keusahawanan bumiputera berdaya saing, serta peningkatan pendapatan menerusi modal insan profesional dan berkemahiran tinggi.

Teras 6 secara dasarnya melambangkan falsafah dan amalan demokratik yang bersifat hubungan kesalingan top down dan bottom up. Justeru, jika semua strategi dan langkah yang dirangka menerusi teras ini mampu dilaksana secara komprehensif, demokrasi dinamik dan kesaksamaan sosial akhirnya pasti dapat diraikan dalam konteks pembangunan Johor mampan.

Ini bukan sekadar menggambarkan peranan pemerintah dalam hala tuju pembangunan, tetapi juga bagaimana rakyat menerima limpahan kemakmuran daripada amalan demokrasi dan kesaksamaan sosial yang dipraktikkan dalam semua strata kehidupan.

DASAR DAN STRATEGI

1

KESEJAHTERAAN SOSIAL DAN PEMBELAAAN MASYARAKAT MEMERLUKAN

S1 Memperkasa golongan rentan (vulnerable group) untuk meningkatkan kemahiran hidup dan keusahawanan.

S2 Meringankan beban kos sara hidup dan kebajikan sosial rakyat yang memerlukan bantuan.

S3 Meningkatkan kesedaran terhadap pendidikan, taraf hidup serta pendapatan B40 dan golongan terpinggir (setinggan, orang asli, miskin tegar bandar, dan gelandangan bandar)

S4 Pemberdayaan golongan B40 ke arah kesejahteraan hidup yang lebih inklusif.

S5 Pengurangan kadar pengangguran siswazah keluarga B40.

2

PEMERKASAAN INSTITUSI KELUARGA, KEMASYARAKATAN DAN MENYEMAI GAYA HIDUP SIHAT

S6 Meningkatkan literasi kewangan keluarga dalam kalangan rakyat pelbagai golongan.

S7 Meningkatkan kemahiran keibubapaan dan kemahiran hidup abad ke-21 dalam kalangan rakyat.

S8 Menyemarakkan nilai-nilai hidup harmoni, bestari dan sejahtera dalam kalangan masyarakat.

S9 Meningkatkan gaya hidup sihat dan selamat dalam kalangan masyarakat.

S10 Meningkatkan kemudahan hospital dan bilangan doktor pakar di setiap daerah.

S11 Aksesibiliti kemudahan riadah dan sukan bagi meningkatkan gaya hidup sihat

3

KEPIMPINAN DAN MASYARAKAT DEMOKRATIK

S12 Menggalakkan penglibatan rakyat dalam memberi idea dan pandangan.

S13 Menyemarakkan hubungan mesra rakyat antara pemimpin dan masyarakat pelbagai golongan.

S14 Mengkoordinasi pusat-pusat strategik negeri Johor sebagai hab pusat idea.

S15 Meningkatkan kemahiran kepemimpinan dan literasi politik dalam kalangan rakyat dan pemimpin masyarakat.

S16 Memperkasa pembinaan bangsa Johor yang dinamik, progresif, bermuafakat, dan bestari.

S17 Mengkoordinasi dan membangunkan pangkalan data untuk NGO dan korporat bagi program-program CSR.

S18 Memperkemas struktur, modul dan amalan standard CSR bersepadu yang memberi manfaat kepada golongan sasar dan pihak berkepentingan.

S19 Meningkatkan penglibatan institusi korporat dalam penjanaan sumber kewangan untuk kesejahteraan golongan memerlukan.

S20 Meningkatkan budaya kesukarelawanan dalam kalangan masyarakat.

DASAR DAN STRATEGI

4

PENYEDIAAN RUMAH MAMPU MILIK BIAYA (RMB)

S21 Penambahbaikan dasar perumahan Johor.

S22 Penambahbaikan pengurusan perumahan Johor.

S23 Menambah baik insentif pembiayaan sewa beli RMB kepada golongan sasaran.

S24 Membaik pulih dan menaik taraf Program Perumahan Rakyat (PPR) dan Rumah Sewa Kerajaan (RSK).

S25 Mewujudkan pendanaan awam pembiayaan perumahan.

5

AGENDA PEMERKASAAN, KESAKSAMAAN DAN MENGURANGKAN KESENJANGAN SOSIOEKONOMI MASYARAKAT SECARA INKLUSIF

S26 Meningkatkan pegangan ekuiti dan hartanah.

S27 Memperkukuh ekosistem keusahawanan Bumiputera dan kaum lain yang terpinggir.

S28 Meningkatkan pendapatan menerusi modal insan berpendidikan profesional dan berkemahiran tinggi.

TERAS 07 MEMPERKASA SISTEM PENDIDIKAN ISLAM, PEMBANGUNAN MODAL INSAN & WARISAN BUDAYA

MEMPERKASA SISTEM PENDIDIKAN ISLAM

Modal insan yang ingin dibangunkan dalam sistem pendidikan di negeri ini tidak seharusnya hanya dilengkapkan dengan ilmu pengetahuan dan kemahiran semata-mata tetapi perlu diperkukuh dengan akhlak terpuji dan nilai murni. Sehubungan itu, dasar ini akan memberi tumpuan untuk meningkatkan pendidikan Islam di Johor bagi melahirkan rakyat yang teguh agama berasaskan Al-Quran dan Sunnah, serta beretika dan berakhlak mulia. Kerajaan Negeri akan memastikan Syiar Islam di Negeri Johor terus berkembang subur dan dibudayakan. Pada waktu yang sama, penganut agama lain bebas untuk mengamalkan kepercayaan masing-masing. Di antara strategi memperkasakan pendidikan Islam Negeri Johor termasuklah menaiktaraf institusi pendidikan Islam Johor dari segi prasarana, kurikulum dan kakitangan; melaksanakan pendidikan sepanjang hayat, meningkatkan keberkesanan sistem penyampaian pendidikan Islam dan profesionalisme pentadbiran Islam serta mengoptimumkan pengurusan sumber-sumber di bawah pentadbiran Islam Negeri Johor.

TERAS 7 MENGANDUNGI 3 DASAR DAN 21 STRATEGI YANG BERFOKUS KEPADA PEMERKASAAN SISTEM PENDIDIKAN ISLAM, PEMBANGUNAN MODAL INSAN DAN WARISAN BUDAYA

TERAS 07 MEMPERKASA SISTEM PENDIDIKAN ISLAM, PEMBANGUNAN MODAL INSAN & WARISAN BUDAYA

PEMBANGUNAN MODAL INSAN

Pembangunan modal insan adalah sumber penting dalam memacu dan mengekalkan pertumbuhan ekonomi, serta menyokong peralihan kesemua sektor ekonomi ke arah aktiviti intensif pengetahuan.Peralihan seumpama itu, memerlukan modal insan bertaraf dunia yang bukan sahaja berpengetahuan dan berkemahiran tinggi tetapi juga fleksibel dan kreatif, serta memiliki etika kerja positif dan nilai-nilai rohaniah. Negeri Johor sentiasa menyokong keperluan pembangunan modal insan yang holistik, dengan memberi tumpuan kepada menghasilkan modal insan yang bukan sahaja berkemahiran tinggi, intelektual dan berbakat tetapi berprinsip serta mempunyai akhlak yang tinggi dan mulia.

Di antara strategi pembangunan modal insan Johor termasuklah:

- Memperkasa sistem pendidikan belia di kalangan rakyat Johor
- Mempertingkat program sinergi industri bagi memperkasa jaringan public-private-partnership
- Meningkatkan kualiti modal insan masyarakat Johor
- Pembangunan data besar (big data) yang menyatupadukan maklumat penawaran dan pemintaan mengenai pembangunan dan latihan sumber manusia di Negeri Johor.

TERAS 07 MEMPERKASA SISTEM PENDIDIKAN ISLAM, PEMBANGUNAN MODAL INSAN & WARISAN BUDAYA

WARISAN BUDAYA

Kebudayaan ialah keseluruhan pengertian, nilai, norma, ilmu pengetahuan serta struktur-struktur kemasyarakatan, keagamaan selain penghasilan seni dan intelektual yang membentuk ciri-ciri khas sesebuah masyarakat. Ia termasuklah bahasa, makanan dan minuman, etnik dan suku kaum, muzik dan kesenian, pakaian, bandar dan luar bandar, sukan dan permainan tradisi. Sehubungan itu Kerajaan Negeri berhasrat untuk melahirkan warga negeri yang bukan sahaja berpendidikan dan berkemahiran tinggi tetapi jua berbudaya serta memahami sejarah dan identiti bangsa. Ia juga dapat membantu dalam memupuk perpaduan dan saling memahami antara kaum di negeri ini.

Antara strategi warisan budaya Johor ialah:

- Memperkasakan sejarah peradaban Johor
- Membentuk dan membangunkan pusat penyelidikan dan pendidikan etnik Johor
- Memperkasa keseniaan dan kebudayaan Johor yang berteraskan budaya Melayu Islam.

Adalah diharapkan ketiga-tiga teras dan 21 strategi dalam dasar ini dapat dicapai dalam tempoh 10 tahun dengan senergi dan kolaborasi pelbagai pihak yang berkepentingan dalam menrencana dan melaksanakan pelan pembangunan Johor.

DASAR DAN STRATEGI

1 MEMPERKASA SISTEM PENDIDIKAN ISLAM

S1 Memperkasa dan menaik taraf Sekolah Agama Johor meliputi infrastruktur, kurikulum, kakitangan, dan pentadbiran.

S2 Menaik taraf kolej pengajian tinggi Islam (MARSAH) kepada kolej universiti.

S3 Memperkasa sistem pendidikan tahfiz moden dan madrasah Johor.

S4 Melaksanakan pendidikan agama sepanjang hayat kepada masyarakat negeri pelbagai peringkat.

S5 Menambah bantuan pembiayaan pendidikan Islam

S6 Memperkasa penggunaantulisan Jawi dan bahasa Arab.

S7 Meningkatkan sinergi pihak berkepentingan dalam pembangunan pendidikan Islam

2 PEMBANGUNAN MODAL INSAN

S8 Memperkasa sistem pendidikan dan pembangunan sumber manusia.

S9 Memperkasa libat sama industri.

S10 Perkembangan bakat dan potensi.

S11 Meningkatkan kemahiran graduan TVET dan HTVET

3 WARISAN BUDAYA

S12 Memperkasa sejarah Johor.

S13 Memperkukuh bahasa dan persuratan.

S14 Mempromosi makanan Johor.

S15 Mengkaji etnik dan suku kaum.

S16 Memperkasa kesenian dan kebudayaan Johor berasaskan Dasar Kebudayaan Kebangsaan.

S17 Memartabat busana dan pakaian Johor.

S18 Sukan dan permainan tradisional.

S19 Pemuliharaan tapak warisan dan seni bina.

S20 Mempromosi kearifan tempatan.

S21 Memperkasa pentadbiran.

TERAS 08 PESONA WANITA & ASPIRASI IDEALIS ANAK MUDA

Peranan wanita pada hari ini semakin menyerlah, tidak hanya membabitkan institusi keluarga, tetapi juga dalam aspek pembangunan ekonomi negeri dan negara. Namun, usaha berterusan meningkatkan tahap ekonomi, sosial dan pendidikan wanita dilihat sebagai perlu dan relevan selaras dengan apa yang digariskan di dalam Dasar Wanita Negara. Johor secara khusus mengambil inisiatif untuk merangka dasar atau polisi khas berkaitan pemerkasaan wanita dalam aspek ekonomi, pendidikan, pembangunan kerjaya dan pembelaan hak wanita. Sementara itu, golongan belia yang merupakan sebahagian besar daripada anggaran 3.7 juta populasi Johor juga adalah kumpulan penting dalam konteks pembangunan negeri, kerana pandangan serta pemetaan minat dan profil mereka penting dalam menetapkan perancangan ekonomi Johor.

Sehubungan dengan itu, beberapa inisiatif diatur, termasuk usaha mentransformasi minda belia supaya mengubah kecenderungan 'mencari pekerjaan' kepada 'mencipta pekerjaan' serta berkemahiran tinggi selari matlamat kerajaan negeri untuk mengurangkan kadar pengangguran belia di bawah kadar lapan peratus menjelang 2030.

TERAS 8 MENGANDUNGI 6 DASAR DAN 20 STRATEGI YANG BERFOKUS KEPADA PEMBELAAN HAK, ISU, SOKONGAN, MEMPERKASA PERANAN DAN BAKAT WANITA/ANAK MUDA SERTA REVOLUSI DAN PENGLIBATAN ANAK MUDA DALAM SUKAN PRESTASI TINGGI DAN SUKAN MASSA

PEMBELAAN HAK, ISU DAN SOKONGAN BANTUAN WANITA

Dasar ini menumpukan kepada usaha meningkatkan khidmat bantuan kepada wanita serta pembangunan sistem maklumat agar semua data berkaitan ibu tunggal dan wanita yang berpotensi untuk bekerja dapat diakses secara berpusat oleh semua agensi terlibat dengan hal ehwal wanita negeri Johor.

TERAS 08 PESONA WANITA & ASPIRASI IDEALIS ANAK MUDA

KESEJAHTERAAN DAN KESEIMBANGAN HIDUP WANITA

Tumpuan dasar ini adalah kepada usaha sokongan terhadap kerjaya dan keseimbangan hidup, selain memperkasa potensi yang bertujuan meningkatkan taraf pendidikan wanita dalam bidang profesional dan bukan profesional.

MEMPERKASA PERANAN WANITA DALAM EKONOMI DAN PEMBANGUNAN NEGERI

Dasar ini memberi tumpuan kepada usaha memperkasa peranan wanita dalam ekonomi dan pembangunan negeri, termasuk lebih banyak latihan berimpak tinggi dalam keusahawanan dan meningkatkan penglibatan wanita dalam penggubalan dasar.

MEMPERKASA BAKAT ANAK MUDA DAN PENGLIBATAN DALAM EKONOMI KREATIF

Tumpuan adalah kepada usaha memperkasakan bakat anak muda dan memastikan keberlangsungan mereka dalam arus pembangunan negeri. Ini termasuk program Latihan bagi memperkasa bakat , kemahiran anak muda dalam pelbagai bidang, pengembangan kreativiti, penguasaan teknologi dan inovasi, yang akan menyumbang kepada ekonomi negeri Johor

REVOLUSI ANAK MUDA BERKEMAHIRAN TINGGI YANG INKLUSIF SERTA MEMPERKASA PEMBANGUNAN NEGERI

Tumpuan adalah kepada usaha menyedia dan meningkatkan kemahiran relevan kepada anak muda Johor agar selari dengan kehendak pasaran kerja dan pembangunan ekonomi. Anak muda juga digalakkan menceburi bidang professional dan kritikal sebagai kerjaya serta menerapkan nilai kesukarelawanan dalam diri mereka.

PENGLIBATAN ANAK MUDA DALAM SUKAN PRESTASI TINGGI DAN SUKAN MASSA

Tumpuan adalah kepada usaha melibatkan anak muda dalam sukan prestasi tinggi dan sukan massa yang tidak hanya bertujuan mengasah bakat mereka, tetapi pada masa sama membuka ruang kepada pelbagai peluang pekerjaan dan kerjaya profesional dalam bidang sukan.

TERAS 08 PESONA WANITA & ASPIRASI IDEALIS ANAK MUDA

Kesimpulannya, Johor adalah sebuah negeri yang dilimpahi dengan aset, alam semulajadi serta potensi yang sangat strategik bagi mencetus pembangunan ekonomi yang tinggi serta membina rakyat yang bistari dan sejahtera. Maka itu, peranan wanita serta anak muda dalam pembangunan ekonomi dan pembangunan sosial adalah signifikan.

Pemerkasaan peranan wanita dalam meningkatkan martabat mereka, keterlibatan dalam aktiviti ekonomi dan menaik taraf pendidikan adalah aspek yang perlu diberi perhatian. Manakala, anak muda merupakan penggerak kepada ekonomi negeri dengan melibatkan keupayaan mereka dalam keusahawanan, inovasi serta kreativiti, tenaga kerja yang tinggi, bakat kepimpinan terpuji serta penglibatan mereka dalam sukan.

DASAR DAN STRATEGI

1

PEMBELAAN HAK, ISU DAN SOKONGAN BANTUAN WANITA

S1 Meningkatkan bantuan kepada wanita teraniaya bagi kes perceraian, keganasan rumah tangga, isu tuntutan nafkah, wanita hamil luar nikah, dan isu-isu sosial lain berkaitan wanita.

S2 Mewujudkan hubungan sistem maklumat bersepadu ibu tunggal antara YPKDT dan Kerajaan Persekutuan.

S3 Mewujudkan satu sistem maklumat dan penempatan pekerja yang bersepadu dan terancang untuk membantu golongan wanita.

2

KESEJAHTERAAN DAN KESEIMBANGAN HIDUP WANITA

S4 Meningkatkan sokongan bagi kesejahteraan hidup wanita.

S5 Memperkasa kebolehan, keupayaan dan pendidikan wanita dalam semua bidang pekerjaan

3

MEMPERKASA PERANAN WANITA DALAM EKONOMI DAN PEMBANGUNAN NEGERI

S6 Meningkatkan latihan berimpak tinggi bagi memperkasa wanita dalam bidang keusahawanan.

S7 Mewujudkan sistem pemantauan berkala ibu tunggal selepas latihan.

S8 Menggalakkan ekonomi usahawan wanita dengan usaha sama agensi kerajaan.

S9 Meningkatkan penglibatan wanita dalam pentadbiran negeri dan penggubalan dasar.

DASAR DAN STRATEGI

4

MEMPERKASA BAKAT ANAK MUDA DAN PENGLIBATAN DALAM EKONOMI

S10 Menyediakan program latihan untuk memperkasa bakat dan kemahiran anak muda dalam pelbagai bidang sehingga mampu menjana pendapatan tinggi.

S11 Meningkatkan kesedaran belia untuk memperkasa daya kreativiti, reka cipta dan inovasi, penguasaan teknologi diri, serta aspek perlindungan harta intelektual bagi menyokong anjakan paradigma daripada job seeker kepada job creator.

S12 Meningkatkan penglibatan anak muda dalam bidang ekonomi kreatif dan sekali gus meningkatkan sumbangan industri kreatif terhadap ekonomi Johor.

5

REVOLUSI ANAK MUDA BERKEMAHIRAN TINGGI YANG INKLUSIF SERTA MEMPERKASA PEMBANGUNAN NEGERI

S13 Memperkasa anak muda dengan pengetahuan, kemahiran dan sikap bersesuaian untuk bersaing dalam bidang pekerjaan.

S14 Menggalakkan anak muda menceburi bidang yang mempunyai potensi ekonomi tinggi di Johor, seperti pertanian, makanan, perkhidmatan dan pembuatan.

S15 Menggalakkan anak muda menceburi bidang profesional dan kritikal sebagai kerjaya.

S16 Melibatkan anak muda dalam aktiviti kesukarelawanan, serta memberi input kepada pembangunan negeri Johor.

S17 Meningkatkan kesedaran dan literasi politik anak muda.

6

PENGLIBATAN ANAK MUDA DALAM SUKAN PRESTASI TINGGI DAN SUKAN MASSA

S18 Meningkatkan penglibatan anak muda dalam sukan teras prestasi tinggi.

S19 Menggalakkan penglibatan anak muda dalam aktiviti sukan massa (sukan untuk semua).

S20 Meningkatkan amalan gaya hidup sihat.

KESIMPULAN

Pelan Pembangunan Mampan Johor atau PPMJ 2030 adalah dokumen rujukan inklusif dan komprehensif yang dirangka dengan mengambil kira kepentingan rakyat sebagai agenda utama tunjang kemampanan utama iaitu mampan ekonomi, mampan fizikal dan mampan sosial. Bagaimanapun, impak permintaan terhadap perubahan prasarana kehidupan yang terarah kepada rancangan pembangunan negeri. Pada masa sama, ia juga akan berfungsi sebagai peta hala tuju dalam memacu pembangunan Johor secara progresif dan dinamik, sekali gus memastikan kesejahteraan rakyat menjadi keutamaan dalam pembangunan negeri. Untuk mencapai matlamat tersebut, anjakan paradigma diperlukan dalam misi menjadikan Johor negeri berprestasi tinggi yang menyantuni keperluan rakyat beridentiti bangsa tersendiri.

Berlandaskan visi Negeri BerprestasiTinggi dan Bangsa Johor Bestari, PPMJ 2030 adalah pelan tindakan yang berpaksikan amalan demokrasi, sekali gus menggambarkan aspirasi dan harapan rakyat Johor menerusi pemerkasaan pelbagai nilai kemanusiaan, tradisi, budaya dan warisan bagi dimanfaatkan setiap lapisan masyarakat. Menerusi PPMJ 2030, lapan teras digariskan sebagai panduan untuk Kerajaan Negeri Johor melaksanakan strategi pembangunan berkesan yang menyokong tiga Revolusi Industri 4.0 (IR 4.0), sokongan terhadap ICT diwajibkan pada setiap teras, dan dimestikan seiring dengan segala bentuk pembangunan dirancang. Justeru,

PPMJ 2030 ringkasnya tidak hanya menitikberatkan agenda pembangunan komprehensif, tetapi pada masa sama dirangka untuk turut berfungsi sebagai pemangkin pembangunan berasaskan IR 4.0. Pendek kata, PPMJ 2030 diharap dapat mencorakkan masa depan Johor untuk tempoh 10 tahun akan datang, dan kerjasama antara kerajaan, industri, masyarakat, serta institusi pengajian tinggi seperti model quadraplex amat penting dalam usaha merealisasikan segala strategi dirancang. Kesimpulannya, jika misi ini dapat disempurnakan, Johor pada 2030 bakal muncul dan gah sebagai negeri berprestasi tinggi

MUAFAKAT ITU BERKAT